



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU , 1 SEPTEMBER 2018**

1. ELAK BELI AYAM RATU SECARA HARAM, SETEMPAT – HM, 17
2. BERNAS JAWAB KELUHAN PESAWAH, BISNES – BH, 22
3. APMM TAHAN EMPAT BOT ASING CEROBOKH PERAIRAN NEGARA, NEGARA- KOSMO, 15
4. SST : MOA ARAH FAMA PANTAU HARGA BARANG MAKANAN – SELANGOR KINI
5. FAMA DIARAH PANTAU HARGA BARANG MAKANAN – THE MALAYSIAN INSIGHT
6. SST : MOA INSTRUCTS FAMA TO MONITOR PRICE OF FOOD – BERNAMA

UKKMOA

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/9/2018	HARIAN METRO	SETEMPAT	17

Kuala Terengganu

Elak beli ayam ratu secara haram

Penternak yang baru berjinak-jinak dengan hobi memelihara ayam ratu dinasihatkan tidak membeli ayam itu dari negara luar secara haram kerana dibimbangi akan membawa penyakit berjangkit.

Pengerusi Pemilik Ayam Ratu Team Oscar Hafnizan Abd Wahab berkata, peminat ayam ratu tidak mempunyai alasan untuk membawa masuk ayam luar termasuk dari Thailand atau Indonesia ke negara ini.

“Berisiko membeli ayam ratu dari Thailand atau Indonesia kerana dijalankan tanpa melalui prosedur ditetapkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

“Penyakit berjangkit seperti sampar ayam paling berisiko merebak ke negeri ini berikutan kemasukan ayam luar tanpa mengikuti prosedur ditetapkan,” katanya pada Program Alumni Pemilik Ayam Ratu Team Oscar Merdeka di pekarangan Pejabat JPV Manir di sini, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/9/2018	BERITA HARIAN	BISNES	22

BERNAS jawab keluhan pesawah

Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) menjelaskan bahawa potongan yang dikenakan terhadap hasil tuaian yang dihantar ke kilang kelolaannya adalah bertujuan memastikan ia benar-benar berkualiti.

Ketua Jabatan Pengurusan Kilang Beras BERNAS, Mohamad Solhi Mohd Salleh, berkata walaupun segelintir petani mempunyai pandangan bahawa BERNAS sering memberikan potongan tinggi, namun ia dilakukan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Beliau menyifatkan isu pemotongan tinggi bagi hasil tuaian itu dapat diatasi sekiranya petani mengambil langkah tertentu sebelum proses penanaman dilakukan, termasuk menggunakan baja atau racun bersesuaian bagi memastikan tanaman tidak rosak yang seterusnya memberikan hasil tuaian berkualiti.

"Melalui SOP ini, kami perlu lakukan proses pemutuan bagi memastikan hasil tuaian itu adalah padi yang benar-benar berkualiti.

"Ketika hasil tuaian dibawa ke kilang, ia turut bercampur dengan padi tidak berkualiti yang tidak boleh diproses menjadi beras," katanya pada sesi lawatan media ke kilang BERNAS di Alor Setar, baru-baru ini.

Proses pemutuan

Mohamad Solhi berkata, proses berkenaan juga dilakukan menggunakan peralatan yang betul bagi memastikan pemutuan dilakukan secara adil.

"Setiap langkah pemutuan dibuat menggunakan peralatan dan bukan hanya melalui penilaian mata kasar.

"Ini bagi memastikan kami mendapat padi berkualiti dan bukan hasil tuaian yang mengandungi air, batu, biji padi muda atau hampa," katanya.

Proses pemutuan dilakukan ketika hasil tuaian dihantar ke kilang dan ia mengambil masa beberapa minit melalui ujian yang dilakukan ke atas sampel beras.

Sebanyak dua kilogram padi diambil daripada keseluruhan hasil tuaian dengan 20 gram sampel diuji untuk proses pemutuan.

Mohamad Solhi berkata, pemotongan sekitar 18 peratus daripada setiap satu tan hasil tuaian dikira terbaik dan kadar pemotongan purata dalam kalangan petani antara 20 hingga 21 peratus.

Beliau berkata, walaupun petani kurang bersetuju dengan kadar pemotongan yang dibuat, pihaknya tidak pernah memaksa petani untuk menjual hasil tuaian ke kilang BERNAS, sebaliknya sentiasa bersikap terbuka.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/9/2018	KOSMO	NEGARA	15

APMM tahan empat bot asing ceroboh perairan negara



MUHAMMAD REZAL (kanan) melihat tangki minyak diesel di salah sebuah kapal Thailand yang ditahan kerana mencerooboh perairan negara dekat Kuala Kemaman baru-baru ini.

KEMAMAN – Maritim Malaysia (APMM) menahan satu kapal nelayan Vietnam dan tiga kapal tangki minyak Thailand kerana disyaki mencerooboh perairan Kemaman dekat sini baru-baru ini.

Kesemua kapal asing termasuk 25 kru bot dan nelayan ditahan dalam operasi khas selama dua hari bermula Isnin lalu.

Pengarah Pangkalan Maritim Kemaman, Komandan Maritim Muhammad Rezal Kamal Bashah berkata, dua kapal tangki Thailand itu ditahan pada kedudukan 167.1 dan 166.6 batu nautika dari perairan Kuala Kemaman masing-masing pada pukul 11.40 pagi dan 12.40

tengah hari.

“Kapal tangki minyak ketiga pula ditahan pada kedudukan 151.9 batu nautika dari perairan Kuala Kemaman dekat sini pada 1.10 petang hari sama.

“APMM turut menahan kapal nelayan Vietnam pada kedudukan 127.6 batu nautika dari perairan Kuala Kemaman pada pukul 6.30 petang, 28 Ogos lalu,” katanya kepada *Kosmo!* dekat sini semalam.

Muhammad Rezal berkata, hasil pemeriksaan mendapati semua kapal itu mengangkut 150,000 liter diesel dianggarkan bernilai RM300,000.

Jelasnya, pemeriksaan mendapati kesemua kapal yang dita-

han terbabit tidak mempunyai permit untuk memasuki perairan negara daripada Jabatan Laut dan Jabatan Perikanan

Katanya, siasatan ke atas 25 kru kapal berusia lingkungan 20 hingga 54 tahun yang ditahan mendapati mereka tidak mempunyai dokumen perjalanan dan permit kerja yang sah.

“Keempat-empat kapal, peralatan dan minyak diesel yang kesemuanya dianggarkan bernilai RM5 juta telah disita APMM dan kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Perkapalan Saudagar 1952, Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/9/2018	SELANGOR KINI	ONLINE	

SST: MOA arah FAMA pantau harga barang makanan

September 1, 2018 6:33 pm

GEORGE TOWN, 1 SEPT: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengarahkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk membuat pemantauan harga barang makanan di seluruh negara bermula hari ini.

Timbalan Menteri, Sim Tze Tzin berkata usaha tersebut dilakukan untuk memantau sekiranya terdapat peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga barangan sewenang-wenangnya susulan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

"Mulai hari ini semua pegawai FAMA telah turun padang untuk memantau harga barangan di pasar bukan sahaja di pasar FAMA tetapi juga di pasar biasa untuk kita pantau daripada pelbagai aspek sekiranya ada peniaga yang sewenang-wenangnya menaikkan harga barang," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja di Pulau Jerejak, di sini hari ini.

Beliau berkata pemantauan tersebut akan dilakukan dalam tempoh beberapa bulan dan sekiranya didapati kenaikan harga yang tidak munasabah FAMA akan melaporkannya kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk tindakan lanjut.

Katanya pengguna perlu mengetahui kadar SST yang dikenakan terhadap barang yang dibeli kerana tidak semua barangan yang dikenakan cukai berbanding Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dicaj kepada semua barangan.

Sementara itu, Sim yang juga Anggota Parlimen Bayan Baru berkata pihaknya sedang mengkaji satu teknologi sektor perikanan baharu, 'Deep Sea Cage Culture', untuk diaplikasikan di Malaysia bagi meningkatkan mutu industri perikanan sekali gus menjana sumber kekayaan negara.

"Saya difahamkan duta besar China telah memberitahu bahawa mereka sebenarnya ada teknologi baharu dan mereka sanggup kongsi dengan Malaysia. Saya nampak ini sebagai sumber kekayaan baharu untuk negara kita," katanya.

Beliau berkata biarpun negara China mempunyai populasi penduduk yang tinggi, namun kadar pencapaian tahap sara diri mereka juga tinggi berikutan penggunaan teknologi dalam industri dan kehidupan seharian.

Dalam pada itu, Sim mencadangkan para nelayan untuk turut serta dalam usaha penternakan ikan meskipun ramai di antara mereka yang lebih memilih untuk terus menjadi nelayan.

Beliau berkata adalah penting untuk para nelayan bersama-sama mengusahakan sangkar ikan kerana sumber laut kini semakin berkurangan.

"Saya mohon kalau boleh nelayan-nelayan juga tubuhkan sebuah koperasi dan turut serta buat sangkar ikan. Saya tahu mereka macam tidak suka untuk jadi penternak tetapi demi (pendapatan) keluarga mereka, kita kena 'move forward'...rugi kalau mereka tak masuk," katanya.

Pulau Pinang merupakan penyumbang terbesar dalam industri perikanan di Malaysia iaitu sebanyak RM1.6 bilion daripada jumlah keseluruhan RM2.9 bilion pada tahun 2017 hasil usaha 4,987 orang nelayan berdaftar serta 511 orang penternak ikan sangkar di seluruh negeri.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/9/2018	THE MALAYSIAN INSIGHT	ONLINE	

Fama diarah pantau harga barang makanan

Dikemas kini 1 hari yang lalu · Diterbitkan pada 1 Sep 2018 6:29PM · 0 Komen



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Sim Tze Tzin berkata usaha tersebut dilakukan untuk memantau sekiranya terdapat peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga barangan sewenang-wenangnya susulan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST). – Gambar fail The Malaysian Insight, 1 September, 2018.

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani mengarahkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) untuk membuat pemantauan harga barang makanan di seluruh negara bermula hari ini.

Timbalan Menteri, Sim Tze Tzin berkata usaha tersebut dilakukan untuk memantau sekiranya terdapat peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga barangan sewenang-wenangnya susulan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/9/2018	BERNAMA	ONLINE	

SST: MOA arah FAMA pantau harga barang makanan

Tarikh kemaskini: 01/09/2018

GEORGE TOWN, 1 Sept (Bernama) -- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengarahkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk membuat pemantauan harga barang makanan di seluruh negara bermula hari ini.

Timbalan Menterinya, Sim Tze Tzin berkata usaha tersebut dilakukan untuk memantau sekiranya terdapat peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga barangan sewenang-wenangnya susulan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

"Mulai hari ini semua pegawai FAMA telah turun padang untuk memantau harga barangan di pasar bukan sahaja di pasar FAMA tetapi juga di pasar biasa untuk kita pantau daripada pelbagai aspek sekiranya ada peniaga yang sewenangnya menaikkan harga barang," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja di Pulau Jerejak, di sini hari ini.

Beliau berkata pemantauan tersebut akan dilakukan dalam tempoh beberapa bulan dan sekiranya didapati kenaikan harga yang tidak munasabah FAMA akan melaporkannya kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk tindakan lanjut.

Katanya pengguna perlu mengetahui kadar SST yang dikenakan terhadap barang yang dibeli kerana tidak semua barangan yang dikenakan cukai berbanding Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dicaj kepada semua barangan.....

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/9/2018	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

SST: FAMA diarah pantau harga barang makanan

© 2018-09-01T18:39:00+08:00



GEORGE TOWN: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengarahkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk membuat pemantauan harga barang makanan di seluruh negara bermula hari ini.

Timbalan Menteri, Sim Tze Tzin berkata usaha tersebut dilakukan untuk memantau sekiranya terdapat peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga barangan sewenang-wenangnya susulan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

"Mulai hari ini semua pegawai FAMA telah turun padang untuk memantau harga barangan di pasar bukan sahaja di pasar FAMA tetapi juga di pasar biasa untuk kita pantau daripada pelbagai aspek sekiranya ada peniaga yang sewenang-nya menaikkan harga barang," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja di Pulau Jerejak, di sini hari ini.

Beliau berkata pemantauan tersebut akan dilakukan dalam tempoh beberapa bulan dan sekiranya didapati kenaikan harga yang tidak munasabah FAMA akan melaporkannya kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk tindakan lanjut.

Katanya pengguna perlu mengetahui kadar SST yang dikenakan terhadap barang yang dibeli kerana tidak semua barangan yang dikenakan cukai berbanding Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dicaj kepada semua barangan.

Sementara itu, Sim yang juga Anggota Parlimen Bayan Baru berkata pihaknya sedang mengkaji satu teknologi sektor perikanan baharu, 'Deep Sea Cage Culture', untuk diaplikasikan di Malaysia bagi meningkatkan mutu industri perikanan sekali gus menjana sumber kekayaan negara.

"Saya difahamkan duta besar China telah memberitahu bahawa mereka sebenarnya ada teknologi baharu dan mereka sanggup kongsi dengan Malaysia. Saya nampak ini sebagai sumber kekayaan baharu untuk negara kita," katanya.

Beliau berkata biarpun negara China mempunyai populasi penduduk yang tinggi, namun kadar pencapaian tahap sara diri mereka juga tinggi berikutan penggunaan teknologi dalam industri dan kehidupan seharian.

Dalam pada itu, Sim mencadangkan para nelayan untuk turut serta dalam usaha penternakan ikan meskipun ramai di antara mereka yang lebih memilih untuk terus menjadi nelayan.

Beliau berkata adalah penting untuk para nelayan bersama-sama mengusahakan sangkar ikan kerana sumber laut kini semakin berkurangan.

"Saya mohon kalau boleh nelayan-nelayan juga tubuhkan sebuah koperasi dan turut serta buat sangkar ikan. Saya tahu mereka macam tidak suka untuk jadi penternak tetapi demi (pendapatan) keluarga mereka, kita kena 'move forward'...rugi kalau mereka tak masuk," katanya.

Pulau Pinang merupakan penyumbang terbesar dalam industri perikanan di Malaysia iaitu sebanyak RM1.6 bilion daripada jumlah keseluruhan RM2.9 bilion pada tahun 2017 hasil usaha 4,987 orang nelayan berdaftar serta 511 orang penternak ikan sangkar di seluruh negeri.

-- Bernama